



TAJUK KHUTBAH JUMAAT

Siri: 41 /2022

**RASULULLAH PEMBAWA RISALAH
KEDAMAIAAN**

17 Rabiul Awal 1444 H

Bersamaan

14 Oktober 2022

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA
TERENGGANU**

PERINGATAN:

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**.

Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

KHUTBAH PERTAMA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ، لِيُخْرِجَ النَّاسَ مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ،

وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَحَبِيبِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ! اتَّقُوا اللَّهَ وَأَطِيعُوهُ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ

معاشر المسلمين رحمكم الله

Saya berpesan kepada diri saya sendiri dan juga tuan-tuan sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan dan ketaatan kepada Allah SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, mudah-mudahan kehidupan kita diberkati dan dirahmati Allah di dunia dan akhirat.

Mimbar Jumaat pada hari ini akan membicarakan khutbah yang bertajuk:

Rasulullah Pembawa Risalah Kedamaian

Sidang Jumaat yang dikasihi Allah

Sebelum kedatangan Islam keadaan masyarakat pada masa itu hidup dalam suasana bermusuhan-musuh, kezaliman, penindasan dan kekejaman, golongan yang lemah menjadi mangsa golongan yang kuat, kaum wanita dinafikan hak

mereka, malah mereka hanya menjadi bahan untuk memuaskan nafsu serakah lelaki. Kanak-kanak perempuan pula menjadi mangsa keadaan kerana mereka dianggap sebagai pembawa sial atau kehinaan kepada keluarga, lalu dibunuh atau ditanam hidup-hidup.

Firman Allah dalam surah al Nahl ayat 58-59:

وَإِذَا بُشِّرَ أَحَدُهُم بِالْأُنثَىٰ ظَلَّ وَجْهَهُ مُسْوَدًّا وَهُوَ كَظِيمٌ ﴿٥٨﴾ يَتَوَارَىٰ مِنَ الْقَوْمِ مِن سُوءِ مَا بُشِّرَ بِهِ ۚ أَيُمْسِكُهُ عَلَىٰ هُونٍ أَمْ يَدُسُّهُ فِي التُّرَابِ أَلَا سَاءَ مَا يَحْكُمُونَ ﴿٥٩﴾

Maksudnya Dan apabila dikhabarkan kepada seseorang dari mereka bahawa ia beroleh anak perempuan, muramlah mukanya, sedang ia sangat marah. Ia bersembunyi dari orang ramai kerana berita buruk yang disampaikan kepadanya; adakah ia akan memelihara anak itu dalam keadaan yang hina, atau ia menanamnya hidup-hidup dalam tanah? Ketahuilah! sungguh jahat apa yang mereka hukumkan itu.

Setelah diutuskan Nabi Muhammad SAW sebagai Rasul yang terakhir, suasana berubah ke arah yang lebih baik melalui risalah kedamaian bagi menyelamatkan mereka dari kekejaman dan mendamaikan mereka dari permusuhan.


Firman Allah dalam surah al Anfal ayat 1

فَاتَّقُوا اللَّهَ وَأَصْلِحُوا ذَاتَ بَيْنِكُمْ وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ ۚ إِن كُنتُمْ مُؤْمِنِينَ ﴿١﴾

Maksudnya: Maka bertakwalah kamu kepada Allah dan perbaikilah hubungan di antara kamu, dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya, jika betul kamu orang yang beriman.

Malah pengutusan Baginda juga merupakan rahmat terbesar kepada umat manusia pada masa itu dan juga pada masa-masa seterusnya sampai Hari Kiamat.

Firman Allah dalam surah al Anbiya' 107:



Maksudnya: Dan tiadalah Kami mengutuskan engkau (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah

Sejarah Islam telah membuktikan bahawa semasa muda lagi Baginda Rasulullah SAW telah melibatkan diri dalam urusan mendamaikan manusia. Antaranya:

Pertama: Baginda mendamaikan antara Qabilah-Qabilah Arab yang bertelingkah ketika hendak mengembalikan Hajarul Aswad ketempat asalnya setelah Ka'bah dibaik pulih dari kerosakan. Dengan penuh hikmah dan bijaksana, Baginda mencadangkan supaya dihamparkan kain dan Baginda akan mengangkat batu tersebut letak di atas kain berkenaan lalu semua wakil Qabilah akan memegang tepi kain dan mengangkatnya ke Ka'bah kemudian Baginda sendiri yang akan meletakkannya ke tempat asalnya, cadangan tersebut diterima oleh semua pihak dan selesailah krisis berkenaan yang pada mulanya hampir-hampir tercetus peperangan kerana hendak mempertahankan maruah Qabilah masing-masing.

Kedua: Baginda mempersaudarakan antara dua Qabilah terbesar di Madinah yang sekian lama bermusuhan, iaitu qabilah Aus dan Khazraj. Persengketaan dan permusuhan mereka dapat ditamatkan dengan baik melalui persaudaraan Islam.

Firman Allah dalam surah Ali Imran ayat 103.

وَأَذْكُرُوا نِعْمَتَ اللَّهِ عَلَيْكُمْ إِذْ كُنْتُمْ أَعْدَاءً فَأَلَّفَ بَيْنَ قُلُوبِكُمْ فَأَصْبَحْتُمْ بِنِعْمَتِهِ
إِخْوَانًا وَكُنْتُمْ عَلَى شَفَا حُفْرَةٍ مِنَ النَّارِ فَأَنْقَذَكُمْ مِنْهَا كَذَلِكَ يُبَيِّنُ اللَّهُ لَكُمْ آيَاتِهِ

لَعَلَّكُمْ تَهْتَدُونَ ﴿١٠٣﴾

Maksudnya: Dan kenanglah nikmat Allah kepada kamu ketika kamu bermusuh-musuhan (semasa jahiliyah dahulu), lalu Allah menyatukan di antara hati kamu (sehingga kamu bersatu-padu dengan nikmat Islam), maka menjadilah kamu dengan nikmat Allah itu orang Islam yang bersaudara. Dan kamu dahulu telah berada di tepi jurang neraka (disebabkan kekufuran kamu semasa jahiliyah), lalu Allah selamatkan kamu dari neraka itu (disebabkan nikmat Islam juga). Demikianlah Allah menjelaskan kepada kamu ayat-ayat keterangan-Nya, supaya kamu mendapat petunjuk hidayah-Nya.

Ketiga: Baginda menjalinkan hubungan baik dan harmoni antara orang Islam dengan orang bukan Islam yang tidak memusuhi Islam. Sebagaimana yang telah berlaku kepada Asma binti Abu Bakar yang menerima kunjungan ibunya yang belum memeluk Islam dan dibenarkan oleh Baginda Rasulullah SAW. Ini selaras dengan firman Allah dalam surah al Mumtahanah ayat 8:

لَا يَنْهَكُمُ اللَّهُ عَنِ الَّذِينَ لَمْ يُقَاتِلُوكُمْ فِي الدِّينِ وَلَمْ يُخْرِجُوكُمْ مِّنْ دِيَارِكُمْ أَن تَبَرُّوهُمْ

وَتُقْسَطُوا إِلَيْهِمْ إِنَّا اللَّهُ بِحُبِّ الْمُقْسِطِينَ ﴿٨﴾

Maksudnya: Allah tidak melarang kamu daripada berbuat baik dan berlaku adil kepada orang-orang yang tidak memerangi kamu kerana agamamu, dan tidak mengeluarkan kamu dari kampung halaman kamu; sesungguhnya Allah mengasihi orang yang berlaku adil.

Keempat: Baginda mengadakan perjanjian damai antara orang Islam, Yahudi dan lain-lain kaum di Madinah melalui satu perjanjian yang dikenali sebagai Piagam Madinah.

Semua ini, dilaku bertujuan untuk menjamin keamanan, kedamaian dan kesejahteraan hidup. Malah Islam menentang keras segala bentuk provokasi yang boleh mencetuskan huruhara dan menghilangkan keharmonian dalam masyarakat, Islam sangat mementingkan kedamaian walaupun dengan musuh, apabila mereka ingin berdamai.

Fiman Allah dalam surah al Anfal ayat 61:

﴿ وَإِنْ جَنَحُوا لِلسَّلَامِ فَاجْنَحْ لَهَا وَتَوَكَّلْ عَلَى اللَّهِ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ ﴾

Maksudnya: Dan jika mereka cenderung kepada perdamaian, maka kamu juga hendaklah cenderung kepadanya serta bertawakkallah kepada Allah.

Sesungguhnya Ia Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui.

Sidang Jumaat yang diberkati Allah

Sempena dengan bulan maulidur Rasul yang mulia ini, marilah kita sama-sama melahirkan kecintaan kita kepada Rasulullah SAW dengan menghayati risalah yang dibawa oleh Baginda, iaitu hidup dengan aman damai dan harmoni, eratkan ikatan persaudaraan sesama umat Islam, hindarkanlah diri dari

berpecah belah sesama Islam, mudah mudahan kita akan menjadi umat yang kuat, disegani dan dihormati oleh umat-umat yang lain Insya Allah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ، وَلَا تَنَازَعُوا فَتَفْشَلُوا وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ، وَأَصْبِرُوا إِنَّ اللَّهَ

مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿٤٦﴾

Maksudnya: Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar.

(Surah al AnFal ayat: 46)

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.
وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ.
وَتَقَبَّلَ اللَّهُ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى
آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُدَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ.

اللَّهُمَّ اشْفِ مَرْضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالْطُفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَائِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ

الْمَرْحُومِ السُّلْطَانَ مُحَمَّدِ الْمُكْتَفِيِّ بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ

وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ زَاهِرَةَ، سُلْطَانَةِ تَرْغُكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا

وَالْآخِرَةِ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وَلِيَّ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَائِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ

مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, wahai Tuhan yang Maha Hidup lagi Maha Mentadbir segala urusan. Dengan rahmat-Mu, kami memohon pertolongan.

Perbaikilah segala urusan kami, dan janganlah Engkau biarkan kami bersendirian tanpa jagaanMu. Kami mohon berlindung denganMu daripada kehilangan nikmat dan pemeliharaanMu. Kami juga berlindung denganMu daripada musibah azab dan segala kemurkaanMu.

Wahai Tuhan kami! Ampunilah kami, keluarga kami dan saudara-saudara kami yang mendahului kami dalam iman, dan janganlah Engkau jadikan dalam hati kami rasa dengki terhadap orang yang beriman. Wahai Tuhan kami! sesungguhnya Engkau Maha Belas Kasih Lagi Maha Mengasihani.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
وَصَلَّى اللَّهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ!

أذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُواهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللَّهُ.